



01 FEB, 2023

## Bekal tenaga elektrik 100MW ke Singapura

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

### KERJASAMA YTL POWERSERAYA, TNB GENCO

## Bekal tenaga elektrik 100MW ke Singapura

**Kuala Lumpur:** YTL PowerSeraya Pte Ltd, anak syarikat milik penuh YTL Power International Bhd dan TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco) iaitu anak syarikat milik penuh Tenaga Nasional Bhd (TNB), mengumumkan perjanjian pembekalan tenaga elektrik 100 megawatt (MW) dari Malaysia ke Singapura menerusi penyambung tara baharu yang dipertingkatkan.

Dalam kenyataan, YTL PowerSeraya berkata, ia telah dianugerah lesen pengimport elektrik bagi Malaysia untuk tempoh percubaan selama dua tahun oleh Pihak Berkuasa Pasaran Tenaga Singapura (EMA) selepas permintaan proses cadangan yang kompetitif pada Oktober 2021.

Tenaga elektrik itu akan

dibeli daripada TNB Pasir Gudang Energy Sdn Bhd, sebuah syarikat bertujuan khas milik penuh TNB Genco.

“Kedua-dua pihak akan bekerjasama erat dengan EMA dan Suruhanjaya Tenaga Malaysia bagi memperhalusi semua pengaturcawalan kawal selia dan penetapan teknikal di bawah Rangka Kerja Import Elektrik.

“Perjanjian itu akan berkuatkuasa selepas semua syarat berkaitan dipenuhi,” kata YTL PowerSeraya.

Pengarah Urusan TNB Genco Datuk Nor Azman Mufti menyifatkan perjanjian itu sebagai langkah positif bagi memperkukuh bekalan tenaga rentas sempadan untuk merealisasikan Grid Tenaga Asean yang saling berhubungan sepenuhnya.